



KOPI PAHIT

Tengku Abdul Rahman dalam pilihan raya Municipal Melaka di antara lain-lain mengatakan bahawa tidak ada sebuah parti di seluruh dunia demokrat seperti Perikatan yang menerima sokongan sebegitu rupa daripada rakyat. Betul, Tengku, tetapi jangan lupa! Rakyat kelak tidak mahu menyokong kalau hal-hal dan maslahat rakyat tidak diperhatikan dan pertalian di antara pemimpin dengan pengikut-pengikut tidak dieratkan.

* * *

Perkara pecah-pecah dalam UMNO makin merebak, pecat sana pecat sini dan akhirnya Cik Khadijah Sidek, Ketua kaum Ibu UMNO, dipecat juga dan pemecatannya disahkan oleh jawatankuasa agung UMNO dengan Cik Khadijah Sidek tidak sedikit pun didapati atau diminta kenyataan. Bagus, Bung! Lupakan sahaja jasa orang dan kerana itu maka orang-orang di luar tentu faham kepada sifat “lepas jambatan tongkat dibuang.” Kalau resam ini berterusan dilakukan maka akhirnya diri sendiri bakal binasa- tak percaya, cuba sama-sama kita lihat!

* * *

Rombongan ulama Indonesia yang melawat Rusia sekarang masing-masing telah pulang. Di dalam ucapan-ucapannya kita mendengar penderitaan-penderitaan dan tindasan-tindasan yang hebat dihadapkan kepada orang-orang Islam di sana! Kalau dahulu yang menceritakannya itu ialah buku-buku kita, kurang percaya, tetapi sekarang datangnya dari mulut ulama-ulama sudah barang

tentu kita yakin akan hal yang tersebut. Ulama-ulama itu memperingatkan kalau orang itu (Komunis) menguasai kita di sini sudah tentu hilang kebebasan beragama kita- agama hanya hal-hal peribadi, boleh diajar di rumah dan khutbah di masjid sahaja- tentunya agama kita tidak boleh diajarkan di dalam masjid, apa lagi di luar- terbilang dan seumpamanya, tidak boleh langsung. Bagaimana pendapat rakan kita di Cecil Street yang menganjur-anjurkan cara “kebaikan” orang-orang itu dan mengecil-gecilkan perjuangan Islam? Jawabnya tentu orang-orang Islam sendiri mengerti!

* * *

Kiyai Arsyad Talib Lubis seseorang daripada rombongan ulama Indonesia yang melawat Rusia telah banyak bercakap menceritakan hal-hal yang menyedihkan itu tetapi apa diberitakan di dalam akhbar Harian Melayu Tempatan tidak disebut langsung- hanya yang disebut oleh akhbar itu tidak ada ertinya, iaitu perkara “poligami”.
Ya! Bung, kita memang tahu, mereka takut menyebarkan yang hak sebabnya takut batang hidung sendiri!

* * *

Yang hebatnya, rombongan ulama ke Moscow yang telah dijumpai dikatakan adalah rombongan “Parlimen Indonesia dari parti-parti Masyumi, Sosialisah dan Nahdatul Ulama” adakah harian ini berfikir ada ulama-ulama Islam dari Sosialis? Adakah ini bertujuan supaya nanti digunakan oleh beliau-beliau di sana untuk mengaburi orang yang bodoh-bodoh?! Rombongan ulama dikatakan rombongan Parlimen! Ini satu contoh yang besar bagi mereka memutar-mutar keadaan membuat berita-berita yang dibuat mereka sendiri sedang orang tidak berkata demikian. Betulkah begini? Jawabnya betul. Kalau tidak percaya tanya sama:-
Cemeti al-Farouk.